



جابتن كواغن دان قربنداھاراءن نكري ملاك

JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI MELAKA

Aras 2, 3 & 4, Blok Bentara
Kompleks Seri Negeri
Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh
75450 MELAKA

Tel (ONCC) : 06-333 3333
Faks : 06-231 6489
Laman Web : jkpnm.melaka.gov.my

No.Rujukan : PNM(KPS)125.Jld.2(47)
Tarikh : 6 Mei 2020
Bersamaan : 13 Ramadhan 1441H

Semua Ketua Jabatan / Pusat Tanggungjawab
Negeri Melaka
(Seperti Senarai Edaran)

YB Datuk / Tuan / Puan,

SURAT ARAHAN OPERASI BENDAHARI NEGERI BIL.03 TAHUN 2020 : PINDAAN KEPADA SURAT ARAHAN OPERASI BENDAHARI NEGERI BIL.03 TAHUN 2020 BAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN (BKK) TAHUN 2020

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Surat ini bertujuan untuk memaklumkan pindaan Risalat MKKN P.14 7B/3/2020 yang diterima oleh pejabat ini pada 4 Mei 2020.

3. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) telah meluluskan bayaran Bantuan Khas Kewangan (BKK) dengan menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2020, melalui risalat MKKN P.14 7B/3/2020 telah memanjangkan Bantuan Khas Kewangan (BKK) Tahun 2020 kepada penerima seperti berikut:

- i) Semua Penjawat Awam Negeri Melaka di Gred JUSA dan ke bawah, kakitangan bertaraf tetap, *contract of service* dan *Contract for service*.
- ii) Pegawai yang bercuti bergaji penuh, separuh gaji atau tanpa gaji.
- iii) Pegawai yang dipinjamkan termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya. BKK akan dibayar oleh Agensi yang menerima peminjaman pegawai.
- iv) Pekerja Sambilan Harian (PSH) dan guru sandaran Jabatan Agama Islam Melaka dengan syarat bahawa pegawai yang masih berkhidmat pada 23 April 2020 dan telah berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tempoh 1 Januari 2020 hingga 23 April 2020 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am;
- v) Pemandu yang dilantik sendiri oleh pegawai Gred Jawatan Utama A dan B yang tidak disediakan pemandu oleh jabatannya.
- vi) Kakitangan di Pejabat YB Ahli Majlis Mesyuarat Keselamatan Negeri (MMKN), YB ADUN dan pegawai Penyelaras DUN



4. BKK ini **tidak dipanjangkan** kepada :-

- i) Pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib dalam tempoh 1 Januari 2020 hingga 23 April 2020;
- ii) Pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2020 hingga 23 April 2020; dan
- iii) Pegawai yang meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2020 hingga 23 April 2020.

5. Pesara yang dilantik semula secara *contract of service* dan masih berkhidmat pada 23 April 2020 layak menerima BKK sebanyak RM500.00. Pembayaran sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan bakinya sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh jabatan di mana dia berkhidmat.

6. BKK sebanyak RM500.00 dibayar pada tarikh pembayaran gaji bagi **bulan Mei 2020**.

7. Pihak Bendahari Negeri telah pun selesai memproses bayaran BKK melalui **"payroll"** sebelum pindaan risalat diterima. Oleh yang demikian, bayaran BKK kepada penerima yang layak yang tidak sempat diproses hendaklah dibuat melalui baucar bayaran berasingan. **Baucar bayaran berasingan perlu diluluskan oleh pegawai pelulus di sistem SPEKS selewat-lewatnya pada 11 Mei 2020 (Isnin)** untuk memastikan bayaran dapat dibuat pada 14 Mei 2020 iaitu pada tarikh gaji bulan Mei. Perihal bayaran pada baucar perlu dicatat:- **BKK 2020 – "nama pegawai"**. Contoh: **BKK 2020 – Sallehuddin Bin Aziz**

8. Sebarang bayaran yang tidak layak diterima perlulah dikutip balik mengikut arahan yang berkuatkuasa. Arahan operasi ini berkuatkuasa pada tarikh surat ini dikeluarkan.

Sekian terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(NORIFAH BINTI NORDIN)
Bendahari Negeri,
MELAKA.